

Praktis Tatabahasa

A. Nyatakan (BETUL) atau (SALAH) pada ayat-ayat di bawah ini.

1	Hotel yang berkonsepkan dengan alam semula jadi itu sangat unik.	
2	Sektor pelancongan amat penting untuk pembangunan ekonomi negara.	
3	Tan Sri Adenan tidak berasal daripada keluarga yang kaya.	
4	Kejadian tumpahan minyak telah menjejaskan kehidupan akuatik di pantai itu.	
5	Setengah pemimpin tidak menjalankan tanggungjawab dengan amanahnya.	

B. Susun perkataan dan rangkai kata di bawah ini untuk membina ayat penyata, ayat tanya, ayat seruan, dan ayat perintah dengan betul.

1	apakah	kesan	alam sekitar
	terhadap	terbuka	pembakaran

2	sungai	jernihnya	wah
	air	ini!	

3	menjaga	sentiasa	Encik Hasni
	bawahannya	orang	kebajikan

4	kalian	pantai	harap
	tidak	mengotorkan	ini
	kawasan		



Revisi Pantas

- Ayat mesti terdiri daripada subjek dan predikat.
- Ayat yang tidak mempunyai subjek dan predikat dikatakan sebagai ayat tergantung atau ayat yang tidak lengkap.
- Contoh:

X	Sedang membersihkan kawasan kediaman.
✓	Mereka sedang membersihkan kawasan kediaman.
X	Kumpulan remaja itu.
✓	Kumpulan remaja itu menyertai kempen alam sekitar.

- Dalam bentuk tulisan, kata tanya untuk ayat tanya dengan kata tanya tidak boleh diletakkan pada akhir ayat.
- Contoh:

X	Mereka berkumpul di tepi sungai mengapakah?
✓	Mengapakah mereka berkumpul di tepi sungai?
X	Kempen kitar semula itu akan diadakan bilakah?
✓	Bilakah kempen kitar semula itu akan diadakan?